

15/05/1998

MB pelawa pesara tinggal di Kedah

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Khamis - Kerajaan Kedah mempelawa pesara membabitkan pegawai kanan syarikat multinasional di seluruh negara menghabiskan sisa kehidupan mereka di negeri ini menerusi konsep 'homestead'.

Ini bagi membantu kerajaan negeri melahirkan lebih ramai intelektual di negeri itu dalam proses membangunkan Kedah sebagai sebuah negeri paling maju.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata mereka yang sudah bersara boleh datang ke negeri ini untuk membeli rumah menerusi program 'homestead' sambil membantu kerajaan mencapai hasrat itu.

"Saya mengesyorkan supaya pesara syarikat multinasional termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengadakan skim persaraan di Kedah bagi membantu kerajaan melahirkan cerdik pandai di negeri ini.

"Ini kerana jika purata jangka hayat manusia dihitung, kita boleh hidup selama 77 tahun. Ini bermakna kita masih ada 22 tahun untuk hidup selepas bersara pada umur 55 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran kabel dasar laut 132kv dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi dan perasmian Pencawang Masuk Utama (PMU) 132/33/11kv, di Ulu Melaka, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Berhubung rancangan penubuhan Langkawi International University Of Tomorrow di Pulau Tuba, di sini sebelum ini, Sanusi berkata, kerajaan negeri sudah memperuntukkan tanah seluas kira-kira 200 hektar di pulau berkenaan.

Menurutnya, kelulusan tanah itu dijangka dibuat selewat-lewatnya minggu depan.

"Tanah itu masih kosong dan ia adalah milik kerajaan. Kita beri jaminan tidak ada siapa pun akan dipindahkan dari kawasan itu.

"Pihak pengurusan universiti itu akan turut mengadakan usaha sama dengan penduduk pulau berkenaan untuk projek kemudahan lain termasuk asrama pelajar," katanya.

Sambil menyatakan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju dengan nama universiti itu, Sanusi berkata, kerajaan bagaimanapun, tidak menetap tarikh pelaksanaan universiti berkenaan yang akan diusahakan pihak swasta.

Beliau berkata, peluang masih ada untuk pihak swasta memohon membangunkan univervisti itu yang akan menawarkan pengajian dalam bidang robotik, angkasalepas, kajian laut, pelancongan dan sukan.

Beliau juga berkata, Kedah berhasrat memperkenalkan Pusat Bacaan Rakyat (Pubara) di kawasan yang letaknya berjauhan dengan masjid bagi menggalakkan rakyat menambah ilmu pengetahuan dengan membaca.

Menurutnya, Pubara berkenaan akan dikendalikan oleh Kampung Buku Malaysia (KBM) di Langkawi.

Setakat ini, 12 masjid daerah sudah dipasang dengan internet dan keperluan itu akan ditambah pada masa depan selaras kemajuan teknologi komputer masa kini.

Mengenai Kedah Cafe yang diperkenalkan di Alor Star, Sanusi berkata, kerajaan akan berusaha mewujudkan Kedah Cafe yang sama di 18 KBM di seluruh dunia untuk memperkenalkan Kedah, Langkawi dan Malaysia pada keseluruhannya.

(END)

